



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGUATKUASAAN PELABELAN PRODUK MAKANAN YANG TIDAK MEMATUHI PERUNTUKAN AKTA MAKANAN 1983

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan dan mengingatkan peniaga dan pengguna bahawa label makanan hendaklah mematuhi semua peruntukan pelabelan makanan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (PPM) 1985. Pelabelan makanan adalah bertujuan untuk memberikan maklumat yang benar dan jelas tentang sesuatu produk makanan.

Bagi memastikan kepatuhan terhadap pelabelan produk makanan yang dijual di pasaran, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor telah mengambil inisiatif menjalankan “Ops Label” di seluruh Negeri Selangor pada 21 Ogos 2019. Operasi ini memberi tumpuan terhadap produk makanan yang dijual di premis warga asing serta premis yang menjual produk makanan kesihatan dan produk makanan import.

Semasa Ops Label dilaksanakan, setiap pelabelan produk makanan diperiksa samada pelabelan tersebut mematuhi keperluan peruntukan PPM 1985. Keperluan utama yang diperiksa adalah semua maklumat pada label produk makanan hendaklah dalam Bahasa Malaysia bagi produk makanan yang dikilangkan di Malaysia, manakala bagi produk makanan import pula perlu dilabelkan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Selain itu, perkara lain yang turut diperiksa adalah di mana keperluan bagi semua label makanan untuk mempunyai nama sebutan sebenar makanan,

senarai bahan ramuan serta berat bersih atau isipadu isi bungkusan. Bagi produk makanan yang dikeluarkan, disediakan atau dibungkus di Malaysia, label makanan perlu menyatakan nama dan alamat pengilang atau pembungkus atau pengedar. Manakala bagi produk makanan yang diimport, label makanan perlu menyatakan nama dan alamat pengilang di luar negara serta nama dan alamat syarikat pengimport di Malaysia.

Hasil daripada pemeriksaan 39 premis jualan di Negeri Selangor, sebanyak 2,205 produk makanan pelbagai jenis bernilai RM21,075.01 telah dirampas kerana tidak mematuhi keperluan pelabelan produk makanan yang dinyatakan di dalam PPM 1985. Disamping itu juga, sebanyak 31 notis bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983 bagi pelbagai kesalahan yang boleh dikompaun telah dikeluarkan dengan nilai kompaun berjumlah RM116,000.00.

Pelabelan pada produk makanan yang diimport merupakan kesalahan yang paling banyak ditemui semasa “Ops Label” dijalankan. Antara kesalahan yang dikenalpasti adalah tiada maklumat berkaitan nama dan alamat pengilangan serta pengimport pada label produk makanan yang diimport. Selain itu juga, kebanyakan label pada produk yang diimport ini juga gagal untuk menyatakan nama sebutan sebenar makanan serta senarai bahan ramuan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Selain itu, terdapat juga kesalahan yang dikenalpasti di dalam pelabelan makanan bagi produk makanan yang dikilangkan di dalam Malaysia. Antara kesalahan yang paling ketara adalah akuan kesihatan yang tidak dapat disahkan pada label makanan. Antara akuan kesihatan yang ditemui yang menyalahi peruntukan PPM 1985 adalah pernyataan mengenai khasiat sesuatu makanan dalam perawatan atau penyembuhan penyakit tertentu. Di bawah peruntukan Peraturan 18(3), tiada label produk makanan boleh mengandungi perkataan “berubat”, “tonik” atau “kesihatan” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama.

JKN Selangor sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh menyebabkan kekeliruan dan penipuan dalam pengilangan dan penjualan produk makanan kepada pengguna. Tindakan penguatkuasaan yang berterusan akan dilakukan bagi memastikan tahap keselamatan dan kualiti makanan di negara ini adalah terkawal. Pengguna boleh menghubungi terus JKN Selangor atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan www.facebook.com/jknselangor jika terdapat aduan berkaitan dengan keselamatan makanan.

**DATO' DR. KHALID BIN IBRAHIM
PENGARAH KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

22 OGOS 2019

OPS LABEL 2019



Pegawai sedang meneliti label pada produk makanan yang tidak mematuhi PPM 1985




Pegawai sedang meneliti label produk makanan import dan terjemahannya



Pegawai sedang meneliti label produk makanan yang mempunyai akuan kesihatan



Rampasan produk makanan yang mempunyai kesalahan pelabelan



Rampasan produk makanan yang mempunyai kesalahan pelabelan



Notis kompaun di bawah peruntukan Akta Makanan 1983 telah dikeluarkan



Notis kompaun di bawah peruntukan Akta Makanan 1983 telah dikeluarkan



Hasil rampasan “Ops Label” sedang disita dan dilak